

KEJOHANAN TENIS

JEMPUTAN UNIVERSITI ASEAN 2011

Kejohanan Tenis Jemputan Universiti ASEAN 2011 telah diadakan dengan jayanya pada 25 hingga 27 Februari 2011 bertempat di Kompleks Tenis Negeri Perlis. Kejohanan ini telah dianjurkan oleh Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Bahagian Sukan KPT dan Persatuan Tenis Perlis.

Sebanyak 6 kategori dipertandingkan iaitu Kategori Perseorangan Lelaki, Perseorangan Wanita, Bergu Lelaki, Bergu Wanita, Bergu Campuran dan Terbaik IPT Malaysia. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada majlis makan malam yang diadakan di Dewan Warisan Kangar Perlis. Turut hadir, Raja Puan Muda, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro Canselor UniMAP.



Objektif utama Kejohanan Tenis ini diadakan adalah sebagai langkah menaikkan taraf sukan ini ke peringkat yang lebih tinggi selain mewujudkan hubungan yang erat di antara warga IPTA tempatan dan IPTA ASEAN. Ia juga sebagai satu langkah mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan tenis di samping persiapan kepada kontinjen MASUM dalam menyertai kejohanan yang akan datang seperti ASEAN University Games dan secara tidak langsung melahirkan pemain tenis yang kreatif, mahir berfikir, berkualiti tinggi dan juga dapat mewakili Malaysia suatu hari nanti.

Kategori Perseorangan Lelaki

Kedudukan	Pemenang
Johan	Pongpich <i>University Sport Board Of Thailand</i>
Naib Johan	Warat Nanakon <i>Meijo University Of Changmai</i>

Kategori Perseorangan Wanita

Kedudukan	Pemenang
Johan	Chutarat <i>University Sport Board Of Thailand</i>
Naib Johan	Jitsupang <i>University Sport Board Of Thailand</i>

Kategori Bergu Lelaki

Kedudukan	Pemenang
Johan	Warat Nanakon Tos Puanggrassamee <i>Meijo University Of Changmai</i>
Naib Johan	Richard Casagrande(USBT) Pongpich <i>University Sport Board Of Thailand</i>

Kategori Bergu Wanita

Kedudukan	Pemenang
Johan	Chutarat Jisupang Samrej <i>University Sport Board Of Thailand</i>
Naib Johan	Ivy De Castro Michelle Pang <i>Anteneo De Manila University</i>

Kategori Bergu Campuran

Kedudukan	Pemenang
Johan	Richard Casagrande Jitsupang Samrej <i>University Sport Board Of Thailand</i>
Naib Johan	Napat Sunthong Jutarat Rungthein <i>University Sport Board Of Thailand</i>

Kategori Terbaik IPT Malaysia

Kategori	Pemenang
Lelaki	Syed Azahar Syed Naguib <i>UiTM Shah Alam</i>
Wanita	Nor Farhana Taufek <i>UiTM Shah Alam</i>